

## **BAB 6**

### **GAYA BAHASA DAN EKOLOGI**

#### **6.0 PENGENALAN**

Bahasa menjadi medium untuk mengungkapkan gaya atau ciri khas karya, pengarang dan latar belakang pengarang. Bab ini menganalisis tentang penggunaan bahasa bagi menggambarkan unsur alam dalam novel Sarawak terpilih. Dua aspek yang diberi perhatian dalam analisis bab ini melibatkan tentang penggunaan lambang dan gaya kiasan yang digunakan pengarang untuk menyetengahkan unsur alam dalam karya.

#### **6.1 PENGGUNAAN LAMBANG DALAM KARYA**

Penggunaan lambang dalam teks kajian ini meliputi lambang abiotik dan lambang biotik. Alam sekitar abiotik merupakan alam sekitar bukan hidup, iaitu meliputi alam sekitar semulajadi dan alam sekitar buatan manusia.

Alam sekitar semulajadi meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan persekitaran semulajadi sama ada berbentuk fizikal seperti suhu, iklim, kelembapan, angin, keamatan matahari, badan air (kedalaman, air hujan, arus sungai, ombak, tasik dan sebagainya) dan topografi, atau berbentuk kimia seperti gas-gas, nutrien, pH, garam mineral dan kemasinan (dalam air). (Mohd. Noor Ramlan, 1999). Alam sekitar semulajadi boleh ditemui secara dominan dalam semua novel kajian berdasarkan cuaca (hujan, mendung, panas terik), badan air, cakerawala, sumber mineral dan peredaran hari (pagi, subuh, tengahari, petang, senja, malam). Alam

sekitar buatan manusia pula merangkumi hasil persekitaran berdasarkan kreativiti manusia yang mengambil unsur-unsur dari persekitaran sebagai ramuan penghasilannya seperti rumah, bangunan, kertas, tembikar, kenderaan dan sebagainya.

Alam sekitar biotik merupakan alam sekitar hidup yang mempunyai perkaitan dengan hubungan antara organisma lain yang menduduki sesuatu komuniti (Mohd. Noor Ramlan, 1999). Sesuatu organisma tidak boleh hidup bersendirian dan saling berhubungan dengan organisma lain sama ada dari jenis spesiesnya sendiri atau bukan dari jenis spesiesnya. Alam sekitar biotik dalam kajian ini dipecahkan kepada alam flora dan alam fauna. Alam flora meliputi alam tumbuh-tumbuhan dari peringkat tinggi sehingga rumpai seperti algae. Alam fauna adalah alam haiwan sama ada dalam ekosistem akuatik (air tawar dan laut) mahupun terestrial (darat) (Mashitoh Yaacob, 1998-1999; 1).

### **6.1.1 Faktor Alam Abiotik**

Analisis penggunaan bahasa sebagai lambang alam dalam karya bagi kategori abiotik meliputi alam sekitar semula jadi dan alam sekitar buatan manusia.

#### **6.1.1.1 Alam sekitar semulajadi**

Berdasarkan teks kajian didapati bahawa terdapat kecenderungan pengarang untuk menggunakan unsur alam bagi memaparkan peredaran waktu merangkumi waktu subuh dan pagi, tengah hari, petang dan malam. Namun begitu, terdapat penulis menyatakan peredaran masa melalui penggunaan musim seperti musim kemarau,

musim menuai, musin hujan dan musim buah-buahan. Douglas Jaga (1998) memperincikan kedatangan musim kemarau (halaman 225-226) yang digelar “Kemarau ini nampaknya kemarau rezeki” (halaman 225) kerana penghuni rumah panjang perlu berhadapan dengan banyak masalah seperti “Padi tidak dapat tumbuh dengan subur. Hasilnya kelak tidak akan banyak. Banyak hampa daripada isi” (halaman 225). Musim kemarau juga memberi kesan terhadap perhubungan mereka dengan masyarakat luar kerana aras air sungai menurun. Ini menyebabkan perahu yang digunakan tidak dapat menyusur sungai dan memaksa mereka untuk “turun di air separas lutut, marik perahu kira-kira setengah jam melawan arus deras, kemudian berkayuh pula untuk sampai ke air dalam sebelum dapat memasang enjin bot” (Jong Chian Lai, 1990; 82). Pada musim hujan pula, aliran sungai sarat dengan ranting-ranting, botol, sampah sarap dan batang kayu (halaman 4). Ayat “angin penghujung bulan September bertiup agak kencang” (halaman 4) membayangkan tentang kedatangan musim hujan menjelang penghujung tahun. Pada ketika ini, hari sedikit mendung manakala tiupan kencang angin pula menyamai suasana dingin semasa angin kencang bertiup pada musim hujan. Perkiraan musim bersandarkan unsur alam dikesan melalui ciri “buah engkabang jatuh dalam bulan Oktober, musim ia berbuah, ketika angin bertiup keras” (Jong Chian Lai, 1990; 9).

Musim menuai menghusus kepada tanaman padi. Sebelum padi di huma boleh dituai dan disimpan, masyarakat pribumi mengadakan “matah padi”, satu acara untuk “meminta izin” Petara Padi (Douglas jaga, 1998; 320). Bagi masyarakat pribumi, tanaman padi merupakan tanaman makanan utama yang menentukan kelangsungan hidup mereka sepanjang tahun. Mereka akan melakukan upacara tertentu bagi memastikan hasil padi dituai sepenuhnya tanpa gangguan musim

kemarau, makhluk perosak dan bencana alam. Dari sudut ekologi, kebimbangan masyarakat pribumi tentang bala, bencana dan malapetaka yang bakal dihadapi akibat kemarahan kuasa supernatural telah mendorong golongan ini untuk berinteraksi secara lebih harmoni dengan alam. Mereka hanya menggunakan sumber alam berdasarkan keperluan kehidupan iaitu tanpa melakukan eksploitasi kerana begitu menghormati alam.

Paparan tentang peredaran waktu yang diketengahkan pengarang di dalam teks kajian lebih didominasi oleh waktu pagi, iaitu seawal subuh yang dapat dilihat dalam ayat “Pagi semakin larut. Embun jantan subuh mula menitik-nitik. Kedinginan kurang sedikit. Kehadiran subuh menggerakkan penghuni Nanga Tiga yang tidur” (Jong Chian Lai, 1990; 151), manakala ayat “Ketenangan malam tergugat bila kokokan Jalak nyaring sambil mengepakkan kepaknya” (halaman 22) menggunakan alam fauna (ayam) bagi membantu menghidupkan suasana. Kokok ayam sinonim dengan kedatangan pagi atau siang. Suasana pagi yang sunyi sepi dipecahkan dengan kokokan ayam jantan yang saling bersahutan. Douglas Jaga (1998) memperincikan suasana pagi yang sejuk dan indah seperti berikut;

Pagi. Suasananya menyegarkan. Hujan yang turun pada lewat malam tadi menjadikan kesegaran waktu pagi ini bertambah menyamankan. Daun-daun dan bunga-bunga kelihatan berseri-seri segar. Burung-burung berterbangan bebas sambil bernyanyi riang mengisi ruang angkasa yang ternyata cerah. Tiada setompok awan hitam pun mencemari awan biru yang bertambah biru dengan pancaran gagah sang suria. Pokok-pokok turut bergoyang-goyang seolah-olah menari kegembiraan ketika disentuh manja oleh puputan bayu pagi yang bersih lagi harum. Daun-daun gemersik bersentuhan sekaligus mendendangkan nyanyian alam semula jadi yang menakjubkan. Beberapa ekor tupai bermain-main di dahan kayu.

(Douglas Jaga, 1998; 34)

Kombinasi antara alam sekitar semula jadi, flora, fauna dan unsur cakerawala menjadikan suasana berkenaan lebih dirasai. Pagi merupakan permulaan hari baru. Memulakan hari baru dengan suasana ceria seperti persekitaran yang berada di

sekeling diibaratkan menyuntik aura positif untuk menjalani keseluruhan hari tersebut. Suasana pagi yang dingin dan sejuk itu menjadi lebih lengkap apabila turut disulami “kabus” (Jong Chian Lai, 1990; 146). Kabus dalam ekologi melambangkan kesemulajadian persekitaran yang masih terjaga kerana kabus hanya wujud dalam persekitaran udara bersih sahaja. Kawasan yang dieksploitasi dan tercemar teruk ditandai dengan kehadiran jerebu, iaitu partikel habuk, asap dan jelaga yang tepu di udara.

Peredaran waktu pagi ditampilkan Jong Chian Lai (1990) melalui ayat “Pagi telah larut ke tengah hari. Tengah hari yang terang tadi mula menjenguk ke tabir petang. Dan petang seakan-akan melambat-lambatkan masanya” (halaman 87). Kata “Pagi telah larut ke tengah hari” menggambarkan perubahan masa antara waktu pagi dan tengah hari, kemudian bergerak ke waktu petang melalui istilah “menjenguk ke tabir petang”. Peredaran masa ini dijelaskan pengarang dalam ungkapan pendek tetapi memenuhi maksud berkaitan. Kedatangan malam pula diungkapkan pengarang seperti ayat “Senja telah larut ke malam. Malam menghitam pekat” (Jong Chian Lai, 1990; 11). Dalam novel *Pindah* (1988), watak Ungging yang tinggal bersendirian di rumah panjang tradisi menerima kedatangan malam dengan “menanti bumi ini berputar meninggalkan matahari terbit di tempat lain. Terasa cepat cahaya kuning kemerah-merahan menjemput senja...” (Jong Chian Lai, 1988; 1). Waktu malam di Bukit Kaling diselubungi kesepian dan kegelapan (halaman 9).

Cakerawala termasuk dalam kategori alam sekitar semula jadi. Ia terdiri daripada kumpulan sistem matahari (seperti bintang, planet, komet, nebula, gugusan bintang dan galaksi). Dalam analisis ini, unsur cakerawala yang sering digunakan pengarang terdiri daripada unsur bulan, bintang, awan, langit dan matahari yang

ditemui dengan meluas dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) berbanding novel-novel yang lain. Jong Chian Lai menggunakan elemen cakerawala dalam ayat seringkas “Matahari terik” (halaman 166). Dalam ayat “Matahari belum betul-betul tegak di ubun-ubunnya. Awan putih besar tergantung di sebelah barat. Awan itu akan menjadi hitam pada petang nanti” (halaman 23) mengandungi tiga elemen cakerawala iaitu matahari, awan putih dan awan hitam. “Matahari belum betul-betul tegak di ubun-ubunnya” bermaksud hari masih lagi belum mencecah tengah hari walaupun tidak lagi berada pada waktu pagi sepenuhnya. “Awan putih besar” adalah pernyataan bahawa ketika itu cuaca cerah tanpa tanda-tanda hari akan hujan, tetapi ungkapan “Awan itu akan menjadi hitam” bermaksud, cuaca akan berubah menjadi hujan pada waktu petang nanti. Walaupun ungkapan berkenaan ringkas dan mudah, namun matlamat yang diungkapkan pengarang berjaya mencapai sasaran.

Perubahan hari dan masa berlaku apabila setiap unsur dalam cakerawala bergerak di atas paksinya dengan sempurna. Pengarang menterjemahkan perubahan waktu ini melalui ayat “Matahari turun ke ufuk barat. Cahayanya kurang terik. Warna keemasan tergantung pada banjaran di belakang bukit Kaling” (Jong Chian Lai, 1990; 168) dan “Matahari senja masih lagi menguning di balik Bukit Kaling. Cahaya keemasan masih lagi menyinar, tapi agak samar-samar” (halaman 44). Kedua-dua ayat ini menterjemahkan kedatangan senja melalui rangkai kata “Matahari turun ke ufuk barat” dan “Matahari senja”, seterusnya melukiskan suasana senja dengan istilah “warna keemasan” atau “cahaya keemasan”. Dari sudut estetika, gambaran ini menyatakan tentang keindahan warna senja yang menjadi garis pemisah antara siang dan malam. Dari sudut ekologi, senja menjadi perantara

terhadap hari baru. Dalam kes Nanga Tiga, kehadiran malam bagaikan gambaran tentang masa hadapan mereka yang kelam dan gelap apabila Bukit Kaling semakin digondolkan. Dengan itu lahirlah ayat “Bulan belum timbul dari awan tebal. Bintang juga belum menjengukkan diri pada malam itu” (halaman 98) dan “Bulan tidak muncul malam itu, dilindungi awan hitam yang berat” (halaman 13). “Bulan belum timbul” seakan memberi konotasi tentang masa hadapan mereka yang tidak diketahui bagaimana kesudahannya dan tanpa arah, manakala “awan tebal” dan “awan hitam” yang menutupi sinar bulan adalah penghalang terhadap harapan dan masa hadapan.

Alam sekitar semula jadi juga dikesan berdasarkan kehadiran badan air yang diketengahkan dalam karya. Badan air dalam kajian ini hanya meliputi sungai sahaja. Walaupun novel *Pindah* (1988) berkisar tentang pembinaan empangan, namun pengkisahan tentang empangan tidak ditemui secara meluas, sebaliknya lebih menonjolkan tentang perubahan struktur fizikal bumi dan sungai apabila kawasan hutan berkenaan diubahsuai.

Secara semula jadi sungai di Sarawak berada pada tahap bersih diukur melalui Indeks Kualiti Air Sungai. Douglas Jaga (1998) memperincikan kesemulajadian sungai pada halaman 133 dengan ciri dinyatakan sebagai “Airnya jernih, sejuk dan menyegarkan... Dalam perutnya pula terdapat bermacam-macam ikan”. Sungai yang bersih ditandai dengan “airnya yang jernih dan dingin” (Jong Chian Lai, 2008; 47) dan kehadiran hidupan air yang banyak (Douglas Jaga, 1998; 133). Apabila pembalakan dilakukan, mutu air sungai turut berubah dan tidak selamat lagi diminum. Kerosotan mutu sungai juga dipaparkan dalam novel *Ngayau Air* (2001) berpunca bahan buangan industri dan sikap rakus manusia yang tidak beretika meracuni sumber air. Mencemarkan sumber air sama ada secara sengaja ataupun cuai

merupakan satu bentuk tindakan tidak beretika terhadap alam sekitar dan tidak sepatutnya berlaku.

Alam sekitar semula jadi dari sudut sumber mineral bumi dalam novel ditemui dalam karya Sarimah Alit (2007), Mohd Faizal Jamil (2007) dan Jong Chian Lai (1994). Sarimah Alit (2007) mengutarakan tentang galian dan mineral di Sarawak melalui ayat “perlombongan emas, antimoni, arang batu dan minyak dipergiat. Emas dilombong di Bau oleh pelombong Cina” (halaman 136), manakala Mohd Faizal Jamil (2007) menyebut tentang perlombongan emas pada halaman 59, 60 dan 88 secara sepintas lalu sahaja. Namun begitu, Jong Chian Lai (1994) menggambarkan tentang bahan galian ini secara lebih terperinci terutama tentang konflik perlombongan emas dan pemberontakan pelombong Cina di Bau kerana dikenakan cukai yang tinggi (halaman 66 dan 67). Kekayaan mineral terutama emas dipersembahkan pengarang ini seperti petikan berikut;

Di kawasan lombong, emas ada di mana-mana. Di tempat kaki dipijak, di bukit batu kapur, di puncak gunung batu kapur, dalam gua di gunung batu kapur dan di sungai yang mengalir di daerah ini...Di sungai mereka menggunakan dulang untuk mengaup pasir di dasarnya. Dan mengasingkan pasir daripada cebisan emas dengan cara melenggangkan dulang itu.

(Jong Chian Lai, 1994; 228)

Dari sudut ekologi, bahan galian dan mineral seperti emas, perak, antimoni, petroleum merupakan unsur alam semula jadi bumi yang terhasil daripada tindak balas kimia selama berjuta-juta tahun. Sumber mineral bumi sering menjadi rebutan kerana nilai ekonomi. Berdasarkan petikan halaman 228 ini, pembaca boleh memahami tentang kekayaan bumi Sarawak. Ayat “*Di kawasan lombong, emas ada di mana-mana*” (halaman 228) jelas menggambarkan sumber emas yang dilombong di negeri ini terdapat dalam kuantiti yang banyak.



### **6.1.1.2 Alam sekitar Buatan manusia**

Alam sekitar abiotik dalam kategori alam sekitar buatan manusia menjadi tumpuan pengarang dari sudut binaan tempat tinggal seperti rumah panjang atau ruai yang menjadi tradisi sebahagian besar masyarakat pribumi negeri ini, rumah agam Brooke, pondok pribumi dan pondok petempatan masyarakat Cina pendatang di kawasan perlombongan.

Pembinaan rumah panjang tradisi mementingkan pelbagai unsur seperti kedudukannya berhampiran sungai, ruang tanju rumah panjang pula mengadap matahari terbit (Douglas Jaga, 1998; 15), bahagian tangga pula berbentuk bulat dengan ukiran muka manusia di bahagian hujung atas tangga bagi mengelakkan sial, hantu jembalang dan nasib malang serta petaka, manakala di bahagian pintu pula digantungkan piring untuk menjauhi hantu (Jong Chian Lai, 1990; 45 & 79).

Semua faktor pembinaan rumah panjang ini dilakukan disesuaikan dengan elemen alam semula jadi. Masyarakat pribumi membina rumah panjang di kawasan berhampiran sungai kerana memerlukan sumber air bersih sebagai minuman dan kegunaan harian, memperoleh sumber protein serta menjadi jalan pengangkutan utama. Masyarakat pribumi menjadikan ruang tanju di rumah panjang sebagai satu ruang bersama tempat pertemuan sesama mereka, tempat menyambut tetamu, mengadakan pelbagai aktiviti keramaian dan sebagainya. Apabila ruai rumah panjang dibina mengadap matahari terbit, kawasan ini akan menerima matahari pagi yang segar tetapi terlindung daripada pancaran hangat matahari pada waktu petang. Jadi, ruangan ini memberi keselesaan kepada mereka untuk berehat pada waktu petang atau melakukan pelbagai aktiviti kekeluargaan.

Amalan membuat tangga rumah panjang berbentuk bulat daripada batang pokok yang ditakik pada bahagian tertentu merupakan satu bentuk kreativiti daripada persekitaran. Tangga berbentuk bulat ini terdiri daripada batang pokok bermutu tinggi seperti kayu cengal, keruing, meranti, seraya dan sebagainya dari hutan. Walaupun bentuk ini kelihatan tidak menarik dari sudut fizikal, namun kayu bermutu tinggi ini menjamin kelangsungan masa penggunaan sehingga puluhan tahun.

Dalam novel *Pindah* (1990), bahagian dalam rumah panjang pula dilukiskan pengarang seperti berikut;

Sebuah almari yang senget dengan cermin yang retak tiga terletak di sudut bilik, dengan bantal-bantal dan selimut bersih untuk tamu yang berkunjung. Pakaian tersangkut pada ampaian yang tersengkang dari muka pintu ke hujung bilik. Dari bilik itu terserlah dapur yang sedang berasap... Dua keping tikar rotan yang beraneka corak sudah agak kehilangan warna rotannya ditindih hari berhari. Ilang tersusun di dinding dengan megahnya. Berhulukan tulang dengan bulu rusa dihujungnya. Senapang tadi diperhatikan ... dua piring kecil tergantung di muka pintu untuk menghalau jembalang yang mengacau.

(Jong Chian Lai, 1990; 53)

Melalui petikan ini, dapat disaksikan alam sekitar buatan manusia yang digunakan iaitu sebuah bilik penginapan yang terdapat di sebuah rumah panjang. Rumah panjang tersebut diperbuat daripada kayu kayan yang diperolehi secara semula jadi di hutan berhampiran. Perkakas lain yang terdapat dalam ruai tersebut juga diperolehi dari alam sekitar semula jadi seperti; tangga kayu bulat, papan, almari, bantal, selimut, pakaian, dapur, tikar rotan, ilang (parang), senapang dan piring kecil yang tergantung di muka pintu. Sebahagian daripada barangan tersebut telah dinyatakan asal-usul pembuatannya seperti tangga diperbuat daripada kayu bulat, tikar diperbuat daripadapada rotan, manakala hulu ilang daripada tulang dan bulu rusa diletakkan di bahagian hujung ilang tersebut. Semua sumber tersebut diperbuat daripada unsur alam yang diperolehi dari persekitaran.

Selain rumah panjang tradisi, Jong Chian Lai mengemukakan tentang binaan rumah panjang moden yang mengikut arus pembangunan semasa. Rumah panjang moden ini dibina tanpa “*adat pantang larang dan tidak dibacakan mantera atau serapah*” (Jong Chian Lai, 1988; 29). Binaan rumah panjang moden dibuat berdasarkan kehendak kontraktor dan mengabaikan amalan, kepercayaan dan pantang larang masyarakat setempat. Pengarang ini juga membandingkan rumah panjang tradisi yang menggunakan bahan-bahan semula jadi dari hutan “*berdinding daun bertam atau daun mulong dan atapnya juga dari daun itu*” (halaman 43) berbanding rumah panjang moden yang digambarkan seperti berikut;

Papan-papan masih baru. Dicat dengan warna kuning. Dinding juga dari papan yang masih basah. Licin diketam. Lantai divarnis dari ruai hingga ke dalam bilik kecuali dapur. Atapnya dari zink tebal yang tidak mudah bocor. Ada paip air. Ada elektrik. Pulas paip, air keluar. Tida perlu ke sungai. Petik suis ruai terang, bilik terang dan dapur pun terang. Lampu pam atau pelita boleh dibuang. Tandas ada di rumah. Tidaklah melepasi di dalam semak lagi. Atau di sungai.

(Jong Chian Lai, 1988; 43)

Rumah panjang moden dibina menggabungkan unsur alam sekitar semula jadi (papan dan dinding) dan alam sekitar buatan manusia melalui penggunaan “*lantai yang divarnis*”, atap zink dan alatan rumah yang lain. Dalam novel *Pemberontakan* (1994), Jong Chian Lai melukiskan rumah kediaman Brooke (dikenali sebagai Glove) seperti berikut;

Dari pintu Grove sebuah jambatan sebesar empat kaki diperbuat daripada kayu belian telah siap dibina, menganjur ke tebing sungai. Di tebing sungai itu terdapat sebuah pondok yang sudah lama didirikan, atap nipahnya sudah garing dan rapuh, bocor di sana sini, bangkunya patah, mungkin diperbuat daripada kayu yang sudah tidak bermutu...perahu beratap nipah terikat pada kayu pancang yang tenggelam dalam air, perahu itu teroleng-oleng kerana air sungai mulai pasang bulan.

(Jong Chian Lai, 1994; 4)

Petikan ini juga menyatakan gambaran yang terperinci berkaitan unsur alam sekitar buatan manusia seperti “jambatan diperbuat daripada kayu belian”, pondok

beratap nipah, bangku kayu dan perahu beratap nipah. Semua peralatan tersebut bersumberkan ekologi semula jadi.

Selain itu, Jong Chian Lai (1990) turut ketengahkan binaan pondok Jabau yang diperbuat “bumbung daripada buluh belahan sudah diikatkan dengan rotan” yang dikatakan lebih tahan berbanding binaan diperbuat “bumbung nipah yang liar itu” (Jong Chian Lai, 1990; 166). Dalam *Pemberontakan* (1994), pondok yang didiami pelombong Cina diperbuat dengan ringkas sahaja. Tiang pondok diperbuat daripada batang-batang terap yang ditebang, dinding pondok diperbuat daripada daun nipah, kulit kayu, papan lebihan dan atapnya diperbuat daripada daun nipah (halaman 91). Pengarang menjelaskan bahawa bahan-bahan binaan tersebut “banyak tumbuh berdekatan daerah ini” (halaman 91) menggambarkan bahawa sumber kayu terap diperolehi dengan mudah di kawasan berdekatan.

Alam sekitar buatan manusia juga dikesan melalui alatan yang digunakan untuk upacara piring dan sembahan. Piring dalam masyarakat pribumi Sarawak dilakukan bertujuan mengubati penyakit, membuat “jamu” memohon izin kuasa supernatural sebelum melakukan apa-apa pekerjaan bagi mengelakkan daripada dimarahi petara atau membuat sembahan bagi menebus kesalahan akibat melanggar pantang. Semua jenis acara piring menggunakan barang-barang daripada sumber semula jadi, antaranya “nasi pulut dalam ruas bertih, darah ayam disapukan pada bulu, telur dan juga tuak. Tuak diisikan dalam buluh balui. Pinang sebutir dua, kapur sejempit, tembakau, daun rokok seberkas dan sirih sepuluh helai” (Jong Chian Lai, 1990; 117) digunakan dalam acara piring untuk memohon izin melakukan pembalakan, manakala bahan-bahan untuk berubat adalah “berisi nasi pulut, tumpi,

leman, kapur, daun sirih, tembakau, rokok apung dan bertih” (Jong Chian Lai, 1990; 9).

Jali Haji Kenoi (2002) menuliskan dengan terperinci berkaitan bahan-bahan yang disediakan untuk mengobati penyakit seperti terdapat pada halaman 91. Pengarang memperincikan bagaimana unsur alam berfungsi dalam proses penyediaan bahan-bahan digunakan untuk mengobati penyakit. Setiap objek berkenaan dinyatakan sumbernya, seperti “dahan balau digunakan untuk membuat rabung, ancak diperbuat daripada kulit dahan rumbia, tiangnya pula menggunakan batang buluh, dan isang sejenis anyaman berbunga dibuat daripada daun sagu” (halaman 91). Semua bahan ini diperolehi dengan mudah di persekitaran kawasan tersebut.

### **6.1.1 Faktor Alam Biotik**

Kajian lambang dalam novel kajian dari sudut biotik terbahagi kepada lambang flora dan lambang fauna.

#### **6.1.1.1 Flora**

Unsur flora dalam novel kajian digambarkan Jong Chian Lai (1990) berdasarkan spesies kayu kayan yang dibalok di hutan Nanga Tiga seperti “ensurai, engkabang, ramin dan merbung” (halaman 57) dan “pokok yang tumbuh bermasyarakat di hutan itu, dari pokok engkabang, ke pokok embawang, tampai, ramin, meranti, empeter, penyaup, resak, keladan, merebung, keruntum dan tasak. Hutan hijau itu sudah tua benar” (Jong Chian Lai, 1990; 4).

Pokok buah-buahan yang ditanam pula meliputi “durian, langsung, rambutan, ciku dan banyak lagi buah lain” (halaman 32). Selain itu, terdapat paku pakis yang tumbuh subur walaupun telah diranapkan batang balak (Jong Chian Lai, 2008; 26) dan pelbagai jenis tumbuhan yang tumbuh meliar di tebing sungai seperti lumut (Douglas Jaga, 1998; 133). Mohamad Faizal Jamil (2007) mengutarakan kekayaan flora di bumi Sarawak seperti petikan berikut;

Hutan yang terdapat di Ba’ Kelalan sememangnya kawasan Hutan Hujan Tropika yang mempunyai pokok-pokok yang besar dan tinggi. Kebanyakan hutan-hutan di situ mengandungi kayu keras tropika yang bermutu tinggi seperti cengal, meranti, jelutung, seraya dan sebagainya yang menjadi rebutan pembalok-pembalok haram.

(Mohamad Faizal Jamil, 2007; 241)

Negara-negara yang berada di garis Khatulistiwa mempunyai kawasan Hutan Hujan Tropika. Berdasarkan petikan ini, pengarang telah menyenaraikan antara ciri hutan hijau tropika, iaitu pokok yang besar dan tinggi serta berkayu keras tropika. Perenggan ini juga menyenaraikan jenis kayu kayan yang terdapat dalam Hutan Hujan Tropika.

Jais sahok dalam novel *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001) menggunakan pertanian moden untuk memajukan masyarakat Salako melalui penggunaan baja kimia dan biji benih yang terpilih. Pelbagai jenis tanaman seperti lada, jambu, buah-buahan dan jagung disebut dengan kerap dalam novel ini. Benih jagung *supersweet* yang diperkenalkan kepada masyarakat lebih banyak kebaikan berbanding jagung pulut tradisi yang mereka tanam sejak berzaman. Jagung manis itu mempunyai rasa yang lebih manis, sedap, cepat berbuah dan lebih mahal harganya (halaman 154).

Tanaman padi boleh dilihat dalam novel *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001) dan *Kelingkang* (1998). Dalam novel *Kelingkang*, unsur padi digunakan untuk mengangkat upacara “matah padi”, iaitu upacara meminta izin daripada petara

sebelum proses menuai dilakukan (halaman 319). Jali Haji Kenoi (2002) pula mengangkat sagu atau lebih dikenali sebagai *balau* oleh masyarakat tempatan (Melanau). Kepentingan sagu dalam masyarakat Melanau dapat disaksikan berdasarkan kegunaan sagu yang pelbagai seperti tebaloi, sagu, tupe, linut, lemanta dan turut digunakan untuk mengubati penyakit selain berfungsi untuk dibuat pelbagai bentuk barangan buatan yang lain (halaman 70). Walaupun sagu asalnya hidup liar dalam ekologi hutan, namun permintaan yang tinggi terhadap sagu menyebabkan terdapat usaha penanaman sagu dilakukan.

Kepelbagaian jenis flora sama ada dari hutan semula jadi yang hidup liar atau diusahakan sebagai tanaman makanan mempunyai pengertian tersendiri dari sudut ekologi. Flora semula jadi yang hidup liar di hutan boleh ditafsirkan sebagai kawasan yang masih belum diteroka sepenuhnya dan masih mengekalkan ekologi asal di kawasan tersebut. Flora yang diusahakan penduduk setempat melalui penanaman di kebun (walaupun kebun berkenaan berada di dalam kawasan hutan), mengalami perubahan ekologi asal kawasan tersebut semasa habitat berkenaan dipugar, dibakar dan dibersihkan dalam usaha mewujudkan satu kawasan kebun tanaman. Walaupun kawasan berkenaan akhirnya ditumbuhi pelbagai tumbuhan liar dan semak samun, namun semasa proses pemugaran dilakukan, terdapat spesies tertentu telah dimusnahkan termasuk struktur fizikal tanah.

#### **6.1.1.2 Fauna**

Unsur fauna boleh ditemui dengan meluaskan dalam novel kajian terutama novel-novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Suara Dari Rimba* (2008), *Kelingkang* (1998), *Pindah* (1988) dan *Anak Ruma' Kadang* (2007). Secara kasar,

terdapat tiga kategori fauna ditemui dalam novel kajian iaitu haiwan liar, unggas dan haiwan belaan.

Haiwan belaan terdiri daripada anjing, babi, lembu dan ayam. Babi lebih banyak mendapat fokus penulis kerana digunakan dalam perubatan tradisional. Keadaan anggota dalaman babi seperti hati, hempedu dan selirat urat-urat babi yang dikorbankan dalam perubatan tradisional memberi petanda tentang keadaan kesihatan pesakit (Douglas Jaga, 1998; 220). Jong Chian Lai (1990) menyentuh tentang fauna babi sebagai haiwan belaan masyarakat rumah panjang (halaman 107 dan 288) dan juga babi hutan liar yang sering menjadi buruan (halaman 16 dan 32).

Binatang buruan di kalangan masyarakat pribumi terdiri daripada binatang liar yang ada dalam hutan Sarawak. Terdapat pelbagai spesies hidupan liar yang menjadi sasaran penduduk pribumi semasa berburu seperti babi hutan, pelanduk, beruang, selalong, lotong, tupai, monyet, rusa, landak dan sebagainya. Dalam ekologi, kepelbagaian fauna yang terdapat dalam sesebuah habitat bermakna ekologi berkenaan sesuai dengan kehidupan fauna terabit secara semula jadi dan kaya dengan sumber semulajadi yang menampung kehidupan. Sekiranya berlaku pengubahsuaian habitat berkenaan, spesies fauna tersebut akan meninggalkan kawasan dan mencari habitat baru. Berdasarkan kepelbagaian spesies hidupan liar yang terdapat di hutan Sarawak ini, memberi gambaran bahawa hutan Sarawak masih lagi terjaga ekologinya dan menyumbang sumber protein kepada penduduk setempat.

Jong Chian Lai (1988) menukilkan kekayaan sumber fauna di hutan Sarawak dalam ayat “membawa pulang rusa, pelanduk ataupun babi hutan. Kalau berburu waktu siang pasti seekor dua lotong, monyet, seekor dua burung empuna, segayan



ataupun imbok terpenggul di bahunya” (halaman 75). Malah, terdapat haiwan yang jarang dijumpai di dalam hutan seperti “selalong” dan “beruang” (halaman 25). Pengarang ini menggambarkan suasana riuh rendah fauna dalam hutan Sarawak seperti petikan di bawah;

Bising lotong sahut-menyahut mengimbau dari jauh, dari arah hulu sungai Batang Layar. Di atas, tupai-tupai girang melompat di ranting-ranting, terjun ke cabang pokok embawang... Beberapa ekor monyet lari lintang-pukang melihat gelagat tupai yang lari ketakutan itu. Bising monyet deras membingitkan hutan hijau dan unggas serta mergastua di situ pantas menyorokkan diri.

(Jong Chian Lai, 1990; 2)

Namun begitu, situasi mula berubah apabila terdapat pembalakan dan pembinaan empangan di kawasan hutan tersebut menyebabkan berlaku kesukaran untuk mendapatkan hasil buruan seperti nasib Ungging “jalan ditebar tidak beroleh ikan. Senapang dipanggul ke hutan tidak terserempak lotong, rusa atau tupai” (Jong Chian Lai, 1988; 4). Apabila hutan sudah diteroka melalui aktiviti pembalakan, fauna akan lari jauh ke dalam hutan, hidupan air seperti ikan dan udang juga terjejas dengan pencemaran sungai. Akibatnya, pribumi sukar mendapatkan hasil buruan, jerat tidak mengena, manakala jala yang ditebar tidak mendatangkan hasil. Dalam ayat “tidak ada lotong, tupai, monyet, burung tiak, tiung, belatuk, kenyalang, gagak hitam dan pokok yang melayup tinggi dulunya” (Jong Chian Lai, 1990; 54), bukan sahaja binatang liar dan ungas sukar didapati tetapi pokok-pokok hutan dan flora juga turut tumbang dan binasa.

Fauna juga terdiri daripada ungas seperti burung dan ayam. Beberapa spesies burung disebut dengan kerap seperti burung Kenyalang. Burung Kenyalang menjadi lambang bagi negeri Sarawak dan sering menjadi buruan untuk mendapatkan paruhnya (Jong Chian Lai, 1990; 2, 16 dan 54). Burung-burung lain terdiri daripada

burung empuna, imbok, segayan (Jong Chian Lai, 1988; 75), burung tiak, tiung, belatuk dan gagak hitam (Jong Chian Lai, 1990; 54). Binatang berbisa pula terdapat dalam *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) terdiri daripada “Lipan, kala jengking, ular kapak, ular senduk” (halaman 147). Lembu pula menjadi subjek dalam novel Dahiri Saini (2004) apabila najis lembu diproses menjadi baja organik (halaman 1, 77, 83 dan 85), manakala buaya menjadi watak utama dalam novel *Ngayau Air* (2001). Hamlin Bolhi dalam novel ini menggunakan sudut pandangan dan pemikiran seekor buaya untuk mengetengahkan tentang pencemaran air, pemburuan haiwan eksotik dan penyeludupan haiwan dilindungi.

Alam semula jadi yang terjaga dan belum diteroka mempunyai ciri-ciri hutan yang kaya dengan flora dan fauna, manakala sungai pula mempunyai bacaan Indeks Kualiti Air yang “bersih”. Kekayaan sumber protein dari sungai dinyatakan seperti ayat “Raga kecil yang diperbuat daripada bemban selalunya penuh dengan ikan. Ikan keli. Ikan banggah. Ikan greggit. Ikan empelasik dan seluang” (Douglas Jaga, 1998; 133) dan ayat “tidak pernah anak muda seperti mereka berdua mendapat ikan sebanyak itu” (Douglas Jaga, 1998; 226). Alam sekitar semula jadi yang masih terjaga menyumbang sumber fauna kepada penduduk sekitar, tetapi penerokaan kawasan hutan menyebabkan kepelbagaian fauna ini semakin hilang.

## **6.2 GAYA BAHASA KIASAN DALAM KARYA**

Bahasa kiasan terdapat dalam semua bahasa di dunia termasuk bahasa etnik. Kebanyakan bahasa kiasan menggunakan unsur alam dan budaya sebagai teras analogi dan dikaitkan sebagai satu disiplin ilmu tentang nilai moral dan prinsip etika mengenai hubungan manusia dan alam sekitar (Mohd. Rasdi Saamah, 2011).

Bahagian ini melibatkan tiga bentuk bahasa kiasan iaitu, personafikasi, metafora dan simili.

Personifikasi merupakan satu bentuk kiasan yang memberikan sifat-sifat manusia kepada benda bukan hidup dan biasanya menggunakan kata ganti diri orang ketiga untuk merujuk perkara-perkara bukan manusia (Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad, 1998: 152; Kamus Dewan, 2007: 165). Penggunaan personifikasi dalam ayat boleh dikesan melalui penggunaan objek yang telah dimanusiakan rupa fizikal, sifat dan tingkahlakunya, seperti “daunan menari”, “nyanyian unggar”, “dada langit”, “langit menangis” dan sebagainya. Metafora pula adalah bahasa kiasan yang digunakan dalam bentuk persamaan atau perbandingan yang dinyatakan secara literal dan implisit untuk memperjelaskan, menghuraikan atau menerangkan sesuatu perkara atau idea yang kurang lumrah atau asing (Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad, 1998: 150; Wahab, 1990: 11; Tarigan, 2009:14). Analogi yang digunakan dalam metafora kebiasaannya membandingkan dua hal secara langsung menggunakan bentuk yang singkat seperti “bunga bangsa”, “buah hati”, “pulau impian”, “rimba harapan” dan sebagainya. Simile merupakan bentuk perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu, sama ada orang atau benda (Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad, 1998: 151). Perumpamaan tersebut dilakukan secara eksplisit melalui penggunaan kata-kata ‘seperti’, ‘tampak’, ‘sama seperti’, ‘mirip’, ‘sama’, ‘sebagai’, ‘bagaikan’, ‘laksana’, ‘bak’ dan lain-lain.

### 6.2.1 Personafikasi

Kajian bahagian ini meliputi analogi yang dipersembahkan pengarang di dalam karya, iaitu bagaimana pengarang “memanusiakan alam” dengan cara memberikan anggota tubuh badan, sifat dan perbuatan manusia terhadap unsur alam tertentu. Objek alam ini dikaitkan dengan kehidupan manusia dan diberi nyawa untuk bertinghalku seperti manusia. Sebahagian besar personafikasi yang ditemui dalam novel kajian adalah bersifat “memanusiakan alam”, iaitu unsur-unsur alam telah diberikan sifat dan peranan seperti manusia. Walau bagaimanapun, Sarimah Alit (2008) telah menggunakan personafikasi untuk “mengalami manusia” seperti petikan berikut;

Tiba-tiba dia merasakan dirinya seperti bertih jagung, menjadi santapan ringan yang enak dan digemari ramai. Jika dia tidak berhati-hati, dia juga boleh menjadi makanan ‘ikan’ berotak genius. Ibarat bertih jagung di permukaan kolam ikan, dia menjadi perhatian dan intipan sebelum disambar dan dijadikan makanan. Begitulah perasaannya kini apabila berhadapan dengan pekerja *Media Rakyat*, dia merasakan dirinya diperalatkan untuk memenuhi cita-cita dan impian mereka.

(Sarimah Alit, 2008; 553)

Dalam petikan ini, pengarang menjadikan manusia sebagai satu bentuk objek, menggambarkan ketidakberdayaan watak tersebut untuk mengubah suasana sekelilingnya. Pengarang tidak memerlukan bahasa puitis dan menyamakan makna untuk menyatakan analogi di sebalik metafora tersebut, tetapi menggunakan bahasa yang mudah difahami malah mempunyai makna yang berlapis pula.

#### 6.2.1.1 Memanusiakan Perbuatan Alam

Bentuk personafikasi paling meluas digunakan dalam novel kajian adalah penggunaan unsur alam yang melakukan perbuatan manusia. Berdasarkan analisis

terdapat beberapa perbuatan manusia seperti menari, telanjang, mengusap, memanjat, menyiku dan sebagainya telah digunakan. Alam yang berkelakuan seperti manusia diketengahkan bagi menggambarkan keindahan alam dan pada masa yang sama memberi keindahan dalam karya.

Alam semulajadi yang terjaga bukan sekadar menyediakan satu bentuk kehidupan yang tenteram, namun pada masa yang sama turut mempengaruhi perasaan. Douglas Jaga (1998) mengaplikasikan nilai semulajadi alam persekitaran dalam bentuk personafikasi yang mengajuk perbuatan manusia apabila mengaitkan keindahan semulajadi dengan semua tindakan yang mereka lakukan seperti petikan di bawah;

Angin yang sentiasa mengusap muka tuanya bagaikan angin yang sentiasa menyemarakkan semangatnya... Daun-daun yang tidak henti-henti menari ketika ditiup angin gunung dirasakan seperti merestui perjalanannya... air sungai yang mengalir dari arah kaki gunung seperti memberi perangsang kepadanya untuk terus berjalan hingga sampai ke destinasiya. Dirasakannya juga bahawa perjalanan air yang senantiasa mengalir hingga sampai ke kuala seperti sama dengan perjalanannya yang pasti dan mesti sampai ke tempat yang dia tuju. Kesayupan bunyi air yang mendesah batu dan menyiku tebing berupa dendangan lagu harapan yang amat mengasyikkan.

(Douglas Jaga, 1998; 72)

Apai Lang dalam petikan ini sanggup menempuh perjalanan yang panjang dan jauh untuk menemui Lemambang Garai semata-mata untuk memohon pertolongan agar mengubati sakit anaknya (Sada) yang dipercayai dirasuk hantu. Perjalanan berkenaan memakan masa selama tiga hari dengan berjalan kaki meredah hutan. Keteguhan cita-cita, semangat dan keinginan yang meluap-luap untuk menyembuhkan penyakit Sada menyebabkan dia sanggup bersendirian menempuh perjalanan berkenaan. Dia merasakan bahawa semangat dan kekuatannya itu turut disokong oleh alam semulajadi yang sentiasa memberi nilai positif sepanjang perjalanan itu. Ini menguatkan lagi semangatnya yang berkobar-kobar itu walaupun

dia menyadari bahawa faktor usianya yang semakin lanjut mempengaruhi kecepatan perjalanan.

Dari sudut ekologi, setiap unsur alam saling berhubung antara satu sama lain. Sesuatu kemusnahan alam tidak berlaku secara bersendirian, tetapi saling berkait dengan unsur alam yang lain. Begitu juga dalam petikan halaman 72 tersebut yang memaparkan tentang kesemulajadian alam, dilihat dari paparan “angin”, “daun-daun”, “angin gunung”, “kaki gunung” dan “air sungai”. Bersandarkan paparan Douglas Jaga (1998) dalam petikan ini, pengarang menjadikan unsur alam semula jadi sebagai penguat semangat watak Apai Lang. Gabungan unsur alam seperti angin, gunung, daun-daun dan sungai berjaya diterjemahkan sebagai bentuk alam sekitar yang masih terjaga dan belum diteroka.

“Angin dari gunung” meniup daun-daun hutan yang menghijau dan mengusap wajah Apai Lang adalah persekitaran semula jadi yang belum terusik dengan kerakusan manusia melakukan eksploitasi untuk pembangunan. Aliran sungai yang jernih, sejuk dan semula jadi menambah nilai semula jadi berkenaan dan menguatkan maksud tentang kesemulajadian alam yang belum diteroka itu. Ini diteguhkan lagi dengan “bunyi air yang mendesah batu” yang diumpamakan seperti lagu-lagu pengharapan dalam watak Apai Lang.

Douglas Jaga masih lagi menggunakan alam untuk membantu perlukisan suasana dalam novel *Kelingkang* (2002). Pada hari acara ngayau dilakukan, alam bagaikan bergembira dengan kedatangan pagi melalui perlakuan “Daun-daun menari-nari apabila disentuh oleh tiupan angin pagi” (halaman 28), manakala angin pagi yang segar pula “mengusap wajah pahlawan-pahlawan” (halaman 28). Pagi adalah permulaan hari, menjadi simbol kepada perjalanan hidup yang masih panjang

untuk dilalui. Suasana pagi yang segar dan ceria dengan hidupan alam (flora dan fauna) adalah permulaan hari yang baik. Alam seakan mengetahui dan merestui ngayau berkenaan dengan cara yang tersendiri. Kesegaran semulajadi dari tiupan angin pagi yang lembut dan titik embun yang segar melambangkan harapan yang sentiasa menggunung untuk melaksanakan misi berkenaan. Kehadiran angin yang sejuk bertiup dan kedinginan embun adalah antara petanda yang dipaparkan sebagai satu kombinasi hari yang bertuah untuk mereka, lebih-lebih lagi pada hari tersebut mereka perlu menyelesaikan satu tugas penting. Suasana ceria pada waktu awal pagi seperti ini bagaikan merestui ngayau yang bakal dilakukan dan turut mempengaruhi perasaan. Mereka sangat bersemangat dan bertindak dengan agresif sehingga ngayau pada kali itu sangat berjaya.

Jong Chian Lai (1990) menganugerahkan perbuatan manusia kepada unsur alam apabila memaparkan keindahan alam semula jadi. Pengarang menggunakan “air yang melompat-lompat, terseradung di batu, kemudian terjun dari batu itu, meninggalkan buih-buih yang mengalir” (halaman 4) bagi menyatakan keindahan sungai yang masih terjaga, manakala sungai yang mula tercemar diterjemahkan dengan “Lesu air mengalir” (halaman 9). Aksi “melompat-lompat” adalah gambaran tentang keceriaan. Alam yang ceria adalah alam yang terjaga, manakala alam yang hambar dan “lesu” adalah gambaran alam yang sakit. Alam yang sakit dalam situasi ini berlaku akibat pencemaran sungai. Kesegaran dan keindahan hutan di Sarawak pula diperincikan Douglas Jaga (1998) melalui penggunaan unsur alam sekitar yang telah dimanusiakan seperti petikan berikut;

...kepuasan yang halus bermain-main dalam dirinya setiap kali dia datang ke sungai itu. Kehadirannya bagaikan dialu-alukan. Air sungai yang sentiasa mengalir sambil menghempas batu-batu yang timbul di dada sungai serta menyiku tebing yang curam mendengarkan satu irama syahdu yang menyentuh jiwanya... Di dasar sungai, ikan-

ikan bermain kejar-kejar. Sesekali ikan-ikan itu menyondol-nyondol permukaan batu-batu yang penuh ditumbuhi lumut... tumbuh-tumbuhan yang tumbuh tidak jauh dari gigi tebing seperti melambai-lambaikan tangan apabila batang-batangnya bergoyang-goyang disentuh arus.

(Douglas Jaga, 1998; 133)

Dalam ekologi, ciri-ciri sungai yang berada pada tahap “bersih” secara semula jadi mengikut bacaan indeks kualiti air sungai ditandai dengan sungai yang jernih, kaya dengan hidupan air dan mengandungi kandungan mineral semula jadi yang seimbang. Douglas Jaga (1998) dalam petikan ini mengolah suasana persekitaran semula jadi tersebut dengan desiran aliran sungai yang mengalir di celah-celah batu. Ikan-ikan yang berenang di dasar sungai pula jelas kelihatan dari permukaan air, menjelaskan tentang kejernihan air sungai tersebut. Tumbuh-tumbuhan hidup subur di gigi tebing, sementara lumut hidup subur di permukaan batu dan menjadi makanan ikan. Gambaran yang dikemukakan pengarang menepati ciri-ciri sebatang sungai yang diklasifikasikan berada pada tahap “bersih” menurut penilaian Indeks Kualiti Air Sungai.

Jong Chian Lai (1990) mengemukakan tentang isu pencemaran udara dalam alam sekitar melalui ayat “Gumpalan asap rokok bergegas-gegas terperangkap dalam cahaya itu” (halaman 18) dan “Kepulan asap hitam memanjat langit yang cerah. Kemudian kepulan asap yang keluar dari bukit Kaling itu menghilang” (halaman 159). Dalam kedua-dua petikan itu, “asap rokok” dan “kepulan asap hitam” yang dibebaskan jentera telah melakukan perbuatan manusia melalui tingkah “bergegas-gegas”, “memanjat” dan “keluar”. Kritikan Eko melihat terdapat pertentangan suasana dalam dua situasi ini, iaitu antara nilai semula jadi yang terpelihara keasliannya dan kehadiran pencemar yang mengubah kualiti mutu udara. Asap rokok



telah mencemarkan suasana ruai yang terang benderang, manakala asap hitam telah menodai langit yang cerah, kemudian mencetuskan lebih banyak gejala pencemaran yang lain yang ditandai dengan “mata pasti gatal-gatal”, “bau asap” dan berlaku “malapetaka”.

Perubahan hari juga diumpamakan seperti perbuatan manusia, contohnya “tengah hari yang terang tadi mula menjenguk ke tabir petang” (Jong Chian Lai, 1990; 87) dan “Senja telah menelan petang” (halaman 57). Kata ‘menelan’ adalah konotasi terhadap perubahan hari yang terang benderang pada siang, mula berubah menjadi kelam, gelap dan menakutkan dengan kehadiran malam. Istilah “menelan” juga menggambarkan satu kejadian yang dilakukan secara rakus berbanding istilah “menjenguk” yang digunakan di halaman 87. Hutan digambarkan begitu menyeramkan apabila malam yang hitam dan gelap gelita “mula beransur-ansur menyerkup” (halaman 145) dan mahu “dicengkamnya dengan tangan” (halaman 145). Penggunaan personafikasi seumpama ini diketengahkan sebagai gambaran tentang suasana semulajadi di Nanga Tiga telah diteroka dan meninggalkan kesan berbeza dari sebelum gangguan terhadap alam dilakukan. Malam digambarkan “begitu kaku” (halaman 145) dengan perubahan berkenaan, lebih-lebih lagi selepas “Hutan hijau ni macam ditelanjangan” (halaman 57).

Suasana yang gegak gempita sepanjang hari akibat pembalakan di kawasan Nanga Tiga menjadi senyap dalam ayat “Nanga Tiga tiba-tiba membisu” (Jong Chian Lai, 1990; 165) apabila jentera dimatikan secara tiba-tiba. Keadaan ini menyebabkan persekitaran menjadi sunyi sepi seketika sehingga terdengar “air sungai mengalir deras. Dan angin datang sepoi-sepoi bahasa. Suara siulan burung masih kedengaran... Geseran daun-daun pokok mendayu-dayu” (halaman 165) walaupun keadaan itu

hanya sementara waktu sahaja. Pembalakan telah menyebabkan Nanga Tiga kelihatan “botak” dan “seperti ditelanjangkan”, berbanding keadaan asalnya digambarkan seperti berikut;

Awan hitam yang besar memayungi bukit Kaling di belakang Nanga Tiga. Di celah-celah awan hitam tebal itu terpancar jalur-jalur cahaya matahari mengarah ke selatan. Kalau awan hitam itu mengengsot, jalur-jalur itu menjenguk dengan galaknya memancarkan sinar panas ke hutan hijau. Juga ke sungai. Hutan hijau kelihatan segar. Dari hutan hijau, bintik-bintik jalur itu bagaikan bintang-bintang yang tidak terbilang banyaknya di dada langit pada waktu malam.

(Jong Chian Lai, 1990; 87)

Ekologi yang semula jadi dalam petikan ini dikesan melalui rangkai kata “Hutan hijau kelihatan segar”. Ini dikukuhkan lagi dengan suasana hutan yang merimbun daun-daun hingga menutupi pandangan ke langit luas. Cahaya matahari hanya dapat menembusi celah-celah rumbunan daunan hutan melalui ayat “bintik-bintik jalur itu bagaikan bintang-bintang yang tidak terbilang banyaknya di dada langit pada waktu malam” (halaman 87). Walaupun terdapat “Awan hitam yang besar memayungi bukit Kaling”, namun awan hitam tersebut membawa makna hari akan hujan. Kata “hitam” yang digunakan merujuk kepada awan kolumbus yang sarat membawa hujan, bukannya mengarah kepada sisi negatif alam seperti pencemaran.

Perbuatan alam yang meniru aksi manusia merupakan satu bentuk kiasan untuk menyetengahkan keindahan dan estetika dalam karya. Gambaran tersebut menguatkan lagi gambaran persekitaran semula jadi. Pada masa yang sama, pengarang berjaya menguatkan maksud yang diketengahkan.

### 6.2.1.2 Memanusiakan Anggota Tubuh Badan Alam

Personafikasi jenis ini menggunakan anggota tubuh badan manusia seperti mulut, lidah, tangan dan sebagainya. Unsur alam digambarkan mempunyai anggota badan seperti manusia. Dalam novel *Suara dari Rimba* (2008), pengarang telah menyatakan falsafah alam yang besar dalam bentuk personafikasi seperti dijelaskan melalui petikan berikut;

Tanah ni juga dicipta Tuhan dan tak tahu bercakap dengan manusia. Binatang pun begitu, tak boleh bercakap sesama sendiri dan kami tak faham bahasa binatang itu. Kalau pokok ditumbangkan, ada getah keluar; itu darahnya... Kalau traktor musnahkan tanah ni, awak nampak darah dan tulang-temulangnya sekalipun ia tak boleh bercakap.

(Jong Chian Lai, 2008; 343)

Bersandarkan petikan ini, pengarang memberikan analogi antara alam dan manusia. “Tuhan” dalam petikan ini merujuk kepada kuasa supernatural yang tidak bercakap dengan manusia secara lisan, tetapi menyatakan simbol kemarahan melalui bala dan bencana yang berlaku di sekitar mereka. Begitu juga sumber alam seperti fauna dan flora (pokok) yang mempunyai cara tersendiri untuk menyatakan protes terhadap tindakan manusia yang tidak beretika dengan alam, dalam kes ini contoh yang dikemukakan adalah “getah pokok” yang ditafsirkan sebagai “darah” bila dianalogikan seperti manusia. Dari sudut alam sekitar, kepercayaan dan pegangan masyarakat pribumi mendorong mereka berinteraksi secara harmoni dengan alam semulajadi berasaskan keyakinan bahawa interaksi yang tidak beretika dengan alam akan mengakibatkan kemarahan kuasa tuhan yang mereka sembah.

Pengarang telah memanusiakan unsur alam dengan memberikan anggota tubuh badan apabila menggambarkan tentang cuaca dalam karya. Sarimah Alit (2007)

memanusiakan anggota fizikal mentari melalui istilah “je jari mentari” apabila melukiskan suasana pagi yang suram dan kelam (halaman 14). Jong Chian Lai pula menggunakan personafikasi “dada langit” dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) pada halaman 35 bagi menggambarkan cuaca yang baik dan terang benderang. Langit yang cerah dan cuaca yang baik pada hari tersebut dapat dirasai sehingga pancaran cahaya matahari menembusi celahan daun hutan yang merimbun. Situasi yang sama diulang semula pada halaman 55, memaparkan tentang keadaan hutan yang hilang keredupannya apabila balak telah ditebang.

Walau bagaimanapun, penggunaan “dada langit” sedikit berbeza dalam ayat “Pokok keruntum, tasak, merbung dan ramin malayup tinggi menujah ke dada langit terbedal-bedal ke kanan kiri” (halaman 2). “Dada langit” dalam ayat ini lebih menyatakan tentang pernyataan aras ketinggian pokok hutan. Dalam ekologi, hutan bernilai tinggi adalah hutan yang mempunyai pokok berusia matang, dikesan melalui fizikalnya seperti ukur lilit dan ketinggian tertentu. Dalam situasi ini, pokok hutan yang digambarkan pengarang adalah pokok yang telah matang, mencapai ketinggian, ukur lilit batang yang sempurna dan bernilai tinggi sehingga menjadi sasaran pembalok haram. Daunan pokok hutan yang merimbun menyebabkan tidak banyak cahaya yang boleh menerobos masuk ke bahagian lantai hutan seperti ayat “Daun-daun pokok yang merembas, membuka tirai bagi melihat kerdipan jalur-jalur matahari yang telus dari celahan daun itu” (halaman 2). Dalam ayat ini, pengarang menggunakan rangkai kata “kerdipan jalur-jalur matahari” bagi menyatakan tentang bagaimana sedikit sinar cahaya matahari yang berjaya menerobos masuk ke dalam hutan itu bergerak-gerak setiap kali berlaku pergerakan daun-daun. Pergerakan daunan ini pula menyebabkan tompokan cahaya yang menyinari lantai hutan turut

bergerak-gerak lokasinya seperti dinyatakan dalam ayat “Di tanah seperti adanya lampu-lampu yang menyinar dari dada langit” (halaman 2).

Jong Chian Lai (2008) dalam ayat “suara-suara orang Penan menangani pembalakan” (halaman 159) menggunakan personafikasi mudah untuk merujuk kepada masalah yang dihadapi masyarakat Penan di pedalaman Sarawak apabila pembalakan dilakukan di kawasan mereka. Kesan pembalakan yang terpaksa ditanggung masyarakat Penan menyebabkan terdapat sebilangan daripada mereka cuba menghentikan aktiviti tersebut dan membuat penentangan melalui sekatan jalan ke kawasan tersebut.

### **6.2.1.3 Memanusiakan Sifat Alam**

Sifat manusia digunakan dalam elemen alam bagi mewujudkan keindahan di dalam karya. Berdasarkan analisis dalam karya kajian, didapati unsur personafikasi kategori ini telah digunakan Jong Chian Lai secara meluas dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) melalui penggunaan “hutan itu botak” pada halaman 16, 69, 103, 113, 148 dan 159. Rangkaian kata berkaitan “botak” ini digunakan berkali-kali oleh pengarang bagi menggambarkan tentang pandangan fizikal Bukit Kaling yang telah dibalak, contohnya;

Kalau manusia menumbangkan pokok, bukit akan botak dan mengotorkan sungai. Dia melihat dari atas, kawasan yang dibalak, bukitnya, gondol dan air sungai kekuningan.

(Jong Chian Lai, 2008; 159)

Pengarang mengemukakan prinsip asas ekologi tentang impak penebangan hutan secara berleluasa dalam ayat yang mudah. Penebangan hutan tanpa kawalan bukan sahaja memberi kesan kepada kawasan hutan (bukit akan botak) tetapi turut

meninggalkan impak terhadap indeks kualiti air sungai (sungai kotor dan berwarna kekuningan). Kesannya, struktur fizikal bukit kelihatan botak dan gondol dengan pencemaran air yang teruk (air sungai kekuningan).

Dalam ayat “tanah hijau tu tak patut dibotakkan. Tak patut dibalakkan hutan tu” (halaman 113), menyatakan kekesalan watak Jabau tentang pembalakan haram di kawasan tersebut. Sifat “botak” diulang berkali-kali dalam novel ini menggambarkan tentang seriusnya masalah penebangan hutan dan pembalakan sehingga meninggalkan kesan terhadap struktur fizikal hutan dan Bukit Kaling.

### **6.2.2 Metafora**

Penggunaan metafora dalam novel merupakan kecenderungan estetika yang tersendiri dan menjadi salah satu cara untuk meningkatkan kualiti karya. Penggunaan metafora sebagai bahasa kiasan tentang alam ditemui bersandarkan penggunaan flora dan fauna.

Mohamad Faizal Jamil (2007) telah menggunakan analogi berkaitan beras dalam masyarakat Lun Bawang yang terdapat dalam cerita rakyat. Pengarang mengemukakan tentang asal usul beras yang berasal daripada manusia. Seorang kanak-kanak perempuan mengorbankan nyawanya supaya abangnya tidak kebuluran. Pengorbanan itu ditulis “Di mana darah adiknya jatuh, di situlah padi dan tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan tumbuh” (halaman 56). Kisah ini menyimpulkan “orang Lun Bawang pada masa silam menganggap pembaziran terhadap beras sebagai satu tindakan yang jahat dan tidak menghormati budak perempuan yang rela mengorbankan dirinya untuk mereka” (halaman 46).

Douglas Jaga (1998) juga menggunakan analogi daripada cerita rakyat apabila menceritakan tentang sebatang sungai yang terjaga tahap kebersihannya. Sungai berkenaan dikatakan “hadiah khas daripada seorang dewa yang turut bersedih apabila dia mendengar suara tangisan seorang anak kecil yang kehilangan ibunya” (halaman 136). Air mata anak kecil tersebut telah menjadi mata air, seterusnya membentuk sebatang sungai. Kejernihan aliran sungai itu menandakan kesucian air mata anak kecil tersebut.

Selain daripada itu, pengarang menggunakan kaedah mimpi untuk menyampaikan maksud yang tersirat. Metafora bentuk ini digunakan Douglas Jaga (1998) melalui rangkai kata “bermimpi membawa balik banyak buah-buahan” (halaman 27), “Mula-mula kami berdua berjalan melalui hutan belantara yang tak berpenghuni” (halaman 379), dan “sebuah kebun bunga. Penuh dengan bunga-bunga...sebatang sungai. Teping sungai itu curam” (halaman 380). Kemuncak daripada mimpi-mimpi yang diketengahkan pengarang adalah mimpi yang dialami oleh Sada sendiri yang tersesat dalam sebuah gua (halaman 207). Di dalam gua tersebut dia menemui “seorang tua berbadan cengkung dan berambut putih beruban seperti embun” (halaman 208), tetapi “seekor ular besar muncul dengan tiba-tiba” dan menyerangnya. Namun orang tua itu “memukul kepala ular itu dengan tongkatnya” hingga mati. Pengarang telah menerangkan kepada pembaca tentang mimpi itu melalui ayat “Ular yang telah dibunuh oleh orang tua beruban merupakan penyakit yang mengganggu Sada” (halaman 208). Ini digambarkan seperti petikan di bawah;

Dia tahu askar kulit hitam itu sekurang-kurangnya telah membunuh beberapa orangnya. Itu semua anjing bangsat. Anjing yang inginkan kekayaan, harta dan wang untuk menggadaikan tanah air. Dia tidak akan mendiamkan diri. Anjing bangsat mesti segera dicari. Inilah bahayanya musuh dalam selimut. Sama-sama berselimut tetapi lama-

kelamaaan dia akan membakar selimut itu. Tinggallah orang yang masih berselimut mati rentung. Begitulah ancaman musuh dalam selimut.

(Jong Chian Lai, 1994; 45)

Jong Chian Lai dalam dua novel *Pindah* (1988) menggunakan haiwan sebagai satu analogi bagi membandingkan sifat manusia. Dalam ayat “Kau tahu Labang, kau lebih bagus dari bini dan anak aku. Mereka tu binatang” (Jong Chian Lai, 1988; 33), pengarang menggunakan anjing (Labang) sebagai analogi kepada isteri dan anak-anak Ungging yang telah menipunya. Bagi Ungging, anjing belaanannya lebih setia dan sanggup bersusah payah bersamanya berbanding isteri dan anak-anak sendiri. Penggunaan “anjing” dalam konteks ini selaras dengan dapatan Imran Ho Abdullah, (2011) yang menganggap ‘anjing’ dalam peribahasa Melayu dipetakan kepada orang yang lemah, hina, jahat dan tidak berilmu.

Penggunaan fauna “anjing” juga merujuk kepada golongan tertentu yang tidak boleh dipercayai, pengkhianat, pengampu dan orang yang sanggup menghambakan diri kepada pihak yang lebih berkuasa, sanggup menindas golongan yang lemah termasuk bangsanya sendiri. Dengan itu lahirlah istilah “anjing penjajah”, “pembelot penduduk Sarawak”, “*tali barut Rajah*” dan sebagainya, kemudian menjadi “duri dalam daging” kepada perjuangan menentang penjajah. Dari sudut ekologi, anjing dikelaskan dalam kumpulan fauna. Dalam ayat “inilah anjing-anjing yang menjilat tahi penjajah untuk membinasakan bangsanya dan menjual bumi ini” dan ayat “Orang kita sendiri pun dah jadi bangsat. Menjadi anjing penjajah. Sedia menjilat tahi dan kencing penjajah itu. Anjing penjajah tu orang tak berotak...” (Jong Chian Lai, 1994; 139), memperlihatkan betapa jijiknya golongan yang dianggap “anjing penjajah” dan pengkhianat bangsa tersebut. Pengarang menggunakan istilah



“membinasakan bangsanya”, “menjual bumi ini”, “bangsat” dan “ Sedia menjilat tali dan kencing penjajah” bagi *menambahkan* lagi darjah kehinaan tersebut.

Walau bagaimanapun, Harry Usup Umbar (2008) mengibaratkan penjajah seperti “rumput di sawah padi” (halaman 48) kerana “Jika tidak dicabut semakin menjadi. Lama-kelamaan akan membunuh padi” (halaman 48). Dari sudut ekologi, rumput liar akan menguasai kawasan penanaman padi sekiranya dibiarkan bersaing secara semula jadi tanpa dihapuskan melalui penggunaan racun rumpai atau mencabut akarnya. Namun begitu, pengarang ini masih menyamakan pengkhianat sebagai “Mereka yang tunduk kepada Rajah adalah pengkhianat Bumi Kenyalang” (halaman 48). Malah, ‘Orang Putih’ telah direndah-rendahkan sebagai “Orang putih pembohong besar” (halaman 55).

Kebencian masyarakat kepada penjajah dan talibarutnya menyebabkan timbul pelbagai gelaran tersebut. Analoginya, sesiapa yang bersifat kejam dan menguasai orang lain akan digelar sebagai penjajah juga seperti ayat “Encik Faizal tu ibarat penjajah British, mengaut keuntungan untuk kepentingan diri... Lain kali kalau Encik Faizal benar-benar nak jadi lanun, jadilah lanun dalam erti kata sebenarnya, pergi ‘melanun’ di Sungai Sarawak” (Sarimah Alit, 2008; 195), manakala golongan yang berjuang menentang kekejaman berkenaan akan digelar dengan nama “pejuang bangsa” seperti ayat “Jadi kau anggap diri kau tu sebagai Rosli Dhoby? Pejuang bangsa?” (Sarimah Alit, 2008; 195). Dalam ekologi, persaingan berlaku apabila terdapat had terhadap keperluan yang sama. Spesies yang kuat akan menguasai spesies yang lemah. Berdasarkan analisis teks, penjajah dan lanun sinonim dengan golongan yang kejam dan merampas hak orang lain, manakala “pejuang bangsa” adalah penentang kezaliman yang dilakukan oleh penjajah tersebut. Persaingan

antara Encik Faizal dan Qatrunnada mendorong mereka untuk mengalahkan pihak lawan dan memenangi persaingan tersebut. Dalam novel ini, “pejuang bangsa” tersebut dinamakan sebagai salah seorang tokoh pejuang Negeri Sarawak yang terkenal iaitu Rosli Dhoby.

Dalam *Suara dari Rimba* (2008) pula, Jong Chian Lai menggunakan fauna untuk menyindir golongan yang mempertikaikan hak pribumi Penan melalui ayat “Jadi suruh perintah tembak rusa, enggang, babi hutan, palandok yang tak ada IC. Binatang tu tak ada IC tapi tinggal dalam hutan macam orang Penan” (halaman 444). Dalam dialog ini, pengarang menggunakan watak orang Penan yang mahukan hak masyarakat pribumi juga diambil kira dalam pentadbiran negara. Terdapat segolongan tertentu menafikan hak orang Penan semata-mata kerana mereka hidup secara berpindah randah di dalam hutan dan tidak mempunyai kad pengenalan (IC). Penafian berkenaan seakan menganggap masyarakat Penan yang tiada kad pengenalan itu sama seperti fauna yang hidup bebas dalam hutan negeri Sarawak.

Kehadiran metafora berkaitan fauna di dalam novel kajian juga dikesan berdasarkan “ikan” yang terdapat dalam sungai di Sarawak. Jong Chian Lai (2008) menggunakan ayat “orang kota “terpancing” oleh kejinakan, keaslian, kehijauan, kaharuman, sumber-sumber yang banyak daripada rimba itu” (halaman 323) apabila memaparkan tentang kepelbagaian sumber alam di negeri Sarawak termasuk ikan yang terdapat di Taman Negara. Ikan yang jinak, besar, segar dan terpelihara dalam semula jadi yang terjaga menyebabkan ramai tertarik untuk melakukan eksploitasi. Ayat ini juga secara tidak langsung memaparkan tentang alam sekitar semula jadi yang masih terjaga. Dalam novel *Pindah* (1998) pula, Jong Chian Lai menggunakan unggas untuk menggambarkan kesepian Ungging tinggal sendirian di Kampung

Tegelam. Kesunyian dan kesepian Ungging terubat dengan “Kicauan burung adalah suara merdu yang mengajaknya berbicara. Lolongan lotong dan kera di hutan begitu mengasyikkan. Suara-suara itu seperti mengajak Ungging berbicara tentang kehidupan di hutan itu”, dan “Tiupan angin terasa menghalau keresahannya”. Pada waktu malam pula, “katak melagu-lagukan nyanyian parau melenakan tidur” nya (halaman 11). Ekologi hutan yang masih terpelihara dicirikan dengan kekayaan flora dan fauna. Bersandarkan ungkapan-ungkapan tersebut, pembaca dapat mengesan tentang kekayaan sumber fauna dalam hutan Sarawak dengan kehadiran burung-burung, katak, lotong dan kera. Suara-suara fauna ini mencipta satu bentuk irama yang tersendiri dan menyenangkan watak Jabau.

Jong Chian Lai (1988) menggunakan metafora untuk menggambarkan tentang masalah Ungging yang berdepan dengan kekurangan lauk (ikan dan haiwan buruan) akibat pembinaan empangan di kawasan tersebut. Ini menyebabkan Ungging terpaksa makan tumbuh-tumbuhan hutan bagi memenuhi keperluan nutrisinya. Apabila kesan persekitaran mula menampakkan impaknya, pengarang mengemukakan metafora seperti petikan berikut;

Sudah masuk dua hari tulang-temulang ikan bantak tidak segulai dengan nasi... Hampir seminggu ini jala ditebar tidak beroleh ikan. Senapang dipanggul ke hutan tidak terserempak lotong, rusa atau tupai sekalipun.

(Jong Chian Lai, 1988; 4)

Petikan ini memberitahu pembaca bahawa sudah dua hari Ungging tidak memperoleh tangkapan ikan bantak sebagai lauk pauk. Malah, sejak seminggu, kegiatan menjala di sungai berhampiran rumah panjang tidak memperoleh ikan. Aktiviti berburu di hutan juga menjadi sia-sia kerana tidak menemui apa-apa binatang walaupun lotong, rusa atau tupai. Pembinaan empangan telah menyebabkan

struktur fizikal ekologi hutan telah diubahsuai. Aliran sungai telah dilencongkan. Kegiatan penebangan kawasan hutan untuk pembinaan empangan juga menyebabkan binatang telah lari ke dalam hutan kerana habitat asal telah diubah. Ini menyebabkan Ungging mengalami kesukaran untuk mendapatkan makanan.

Flora juga digunakan sebagai metafora dalam novel kajian. Jong Chian Lai (2008) mengemukakan perbandingan tentang pemuliharaan alam sekitar yang dilakukan di kawasan bandar (Kuching) berbanding penebangan hutan secara tidak terkawal di kawasan hutan semula jadi (Nanga Tiga) dalam ayat “Alangkah sayu hatinya melihat tumbangnya pokok yang hidup ratusan tahun itu. Di Padang Merdeka, di bandaraya Kuching, pokok itu dipelihara, dijaga, disokong supaya tidak tumbang; harus tumbuh bersama hutan batu di situ” (halaman 40), sedangkan di kawasan hutan semula jadi, “kayu empetir sebesar empat pemeluk” (halaman 40) hanya tinggal tunggul. Dalam ekologi, pembangunan seimbang yang dijalankan selari dengan tuntutan alam sekitar disebut pembangunan lestari. Dalam pembangunan lestari, keperluan persekitaran turut diambil kira dalam setiap perancangan pembangunan bagi menjamin keperluan alam sekitar generasi akan datang sentiasa dipelihara. Perbandingan sebegini menimbulkan kesan sinis, menyerlahkan tentang sikap keprihatinan masyarakat tentang persekitaran timbul apabila menyedari bahawa alam sekitar di kawasan mereka semakin hilang. Dalam hal ini, pengarang mengatakan kekayaan hutan rimba semula jadi itu sebagai “suatu kewujudan tanda kebesaran Tuhan” (halaman 47).

Jong Chian Lai menggunakan “langit hijau” untuk menggambarkan alam semula jadi yang masih terjaga seperti ayat “Di bawah langit hijau itu, Nanga Tiga dan Batang Layar dibayangi kehijauan” (Jong Chian Lai, 1990; 1) dan “hutan

menghijau masih menjadi langit hijau” (Jong Chian Lai, 1988; 10). Ayat “Di dada langit menghijau” (Jong Chian Lai, 1990; 5) adalah gambaran daripada pandangan mata watak Jabau yang memandang ke langit di dalam hutan yang masih belum diteroka pembalok haram. Dalam *Suara dari Rimba* (2008), kehijauan hutan dikatakan “membentuk bumbung hijau” di kawasan sungai dan “anak jeram” (halaman 47) selain keindahan “gunung yang diselaputi awan putih” (halaman 159). Kesemulajadian alam juga diterjemahkan melalui penggunaan istilah “Embun jantan” (Jong Chian Lai, 1990; 151) yang diperincikan bersama kedinginan, ketenangan dan suasana sunyi waktu subuh. Istilah-istilah ini merujuk kepada fonomena alam sekitar yang asli, belum tercemar atau terusik dengan pembangunan.

Walau bagaimanapun, semua keindahan berkenaan semakin berubah secara beransur-ansur apabila kawasan hutan mula diteroka pembalok. Masyarakat pribumi mula melihat kehadiran “rumah-rumah kongsi bagi cendawan tumbuh selepas hujan” (Jong Chian Lai, 2008; 26) apabila kawasan berkenaan mula dibalok. Terdapat sebilangan penduduk pribumi Penan yang sebelum itu hidup secara nomad mempunyai keinginan untuk menikmati kehidupan yang lebih baik seperti masyarakat lain, tetapi tuntutan untuk mereka “keluar dari kepompong rimba itu” (halaman 143) membuatkan sebilangan daripada mereka menarik balik hasrat tersebut. Mereka masih tidak sanggup untuk meninggalkan cara hidup yang diwarisi sejak nenek moyang itu.

Selama ini mereka “menumpahkan keringat pada tanah” dan “meredah kaki Bukit Kaleng” (Jong Chian Lai, 1990; 15) untuk membuka kawasan petempatan dan kebun, tetapi pembinaan empangan di kawasan tersebut menyebabkan mereka perlu berpindah ke kawasan baru dan meninggalkan semua warisan nenek moyang

termasuk rumah panjang warisan dan kawasan perkuburan. Bagi mereka, “tanah hutan ni, sudah jadi medan buruan”, tempat untuk mereka “cari makan” dan “menjebak burung” (halaman 32). Mereka menganggap hutan berkenaan sebagai “hutan dan sungai nenek moyang” menggunakan “titik peluh tulang empat kerat nenek moyang” (Jong chian Lai, 1988; 16) yang dibuka dari “hutan liar”. Namun, apabila “pembalakan akan menjalar ke kawasan perkampungan” (halaman 26), “hutan itu semakin botak” (halaman 16) dan tercemar hingga akhirnya “orang-orang Nanga Tiga menangis keluar darah kerana tanah macam padang pasir” (Jong Chian Lai, 1990; 32). Pembalakan haram sedaya upaya mempengaruhi dan memujuk pemimpin masyarakat pribumi supaya membenarkan aktiviti pembalakan dengan cara “menyuap kita dengan wang supaya kegiatan pembalakan mereka tidak dapat dihidu oleh pihak kerajaan” (Mohamad Faizal Jamil, 2007; 229).

Walaupun masyarakat pribumi (seperti Penan) hanya terdapat tiga peratus sahaja yang masih mengamalkan cara hidup nimad di dalam hutan di Sarawak kerana sukar untuk mengubah cara hidup secara menetap, tetapi kawasan perkampungan pindah yang dibuka mempunyai pelbagai warisan budaya seperti tradisi, rumah panjang dan kawasan tanah perkuburan. Pembinaan empangan dan pembalakan di kawasan terbabit menyebabkan semua warisan berkenaan musnah termasuk flora, fauna dan alam semula jadi.

### **6.2.3 Simili**

Berdasarkan analisis novel-novel dihasilkan penulis dari Sarawak, penggunaan bahasa kiasan berbentuk simili boleh dilihat melalui pemilihan unsur alam digunakan yang terdiri daripada alam semula jadi, flora, fauna dan alam persekitaran berkaitan

peredaran waktu seperti malam hari atau siang. Jong Chian Lai (2008) menyamakan hutan seperti sekolah dalam masyarakat pribumi melalui ayat “Hutan ni sekolah mereka, binatang, pokok, lamin, sungai, gunung, burung dan semua dalam hutan bagi mereka pelajaran.” (halaman 350). Penulis ini juga mengumpamakan hutan yang kaya dengan sumber alam semulajadi seperti stor yang menyediakan sumber makanan dan ubat-ubatan kepada penghuninya. Ekologi hutan kaya dengan pelbagai khazanah. Memusnahkan hutan diumpamakan seperti memusnahkan tempat menyimpan makanan dan hospital yang menyediakan segala keperluan ubat-ubatan kepada penghuni yang mendiami kawasan tersebut seperti dinyatakan dalam petikan berikut;

“Hutan ni...rumah kami, stor makanan, stor pelbagai dan hospital kami. Kalau kami sakit kepala, demam, luka atau dipatuk ular, doktor sentiasa ada dalam hutan ni... Kalau nak musnahkan hutan ni, baik juga musnahkan hospital dan kedai kamu pada masa yang sama”.

(Jong Chian Lai, 2008; 346)

Menurut Hanina & Asnarulkhadi (2008), hutan akan menjadi dispensari yang membekalkan ubat-ubatan kepada mereka yang boleh diperolehi daripada daun, akar dan buah-buahan tumbuhan semulajadi. Walaupun Jong Chian Lai menyatakannya dalam satu perenggan yang ringkas, metafora tentang hutan yang dibawa pengarang ini berbentuk falsafah yang sangat bermakna. Kerakusan manusia mengeksploitasi hutan akan memudaratkan manusia itu sendiri. Jadi, sama ada mahu atau tidak, manusia seharusnya berinteraksi secara lestari dengan alam agar tidak membinasakan diri sendiri kemudiannya. Tindakan manusia yang tidak menghormati alam dan melakukan kerosakan menyebabkan berlaku pencemaran alam seperti di kemukakan dalam ayat “...di sepanjang jalan terdapat sampah bekas makanan atau bekas botol

minuman bersepah-sepah di merata tempat, apatah lagi di puncak gunung, seakan-akan dijadikan tempat pembuangan sampah” (Sarimah Alit, 2008; 48).

Penggunaan unsur alam semula jadi dalam novel boleh dilihat berdasarkan unsur air, angin, bukit, langit dan peredaran waktu. Douglas Jaga (1998) membuat analogi tentang tahap kebersihan sungai sama seperti “air mata anak kecil” (halaman 137) yang terdapat dalam cerita rakyat nenek moyang masyarakat tersebut. “Angin puting beliung” (halaman 206) pula dilambangkan sebagai perasaan serba salah watak Lang. Namun begitu, Jong Chian Lai (1994) menggambarkan perasaan yang tidak tenteram watak melalui kiasan dengan unsur “ombak” dan “angin penghujung bulan September” (halaman 182). Dari sudut peredaran waktu, Jong Chian Lai (1990) menggambarkan Kukit Kaling yang tersergam gagah di Nanga Tiga diumpamakan seperti “hantu” (halaman 11) pada waktu malam yang pekat. Douglas Jaga (1998) pula mempunyai gaya kiasan yang tersendiri apabila menceritakan tentang suasana pagi, iaitu;

Suasana pada awal pagi itu amat sunyi. Sesunyi mati. Keadaan sekitar pun gelap. Hitam pekat. Wajah bulan tua sudah lama menghilang ditutupi tompok-tompok awan hitam yang menghiasi dada langit.

(Douglas Jaga, 1998; 159)

Penggunaan simili sebagai kiasan dalam novel kajian kerap ditemui dengan kehadiran fauna seperti cicak, lebah, beruang dan burung. Lanun telah dilambangkan sebagai “Beruang besar” (Jong Chian Lai, 1994; 33) kerana fizikal badan dan tingkah ganasnya, kecelaruan pemikiran watak digambarkan sebagai “seperti sarang lelabah yang tertarik” (Jong Chian Lai, 2008; 318), perbuatan watak Jabau menghalang aktiviti pembalakan haram diterjemah Jong Chian Lai melalui “seperti aku seekor cicak yang mati diusung seribu semut merah” (halaman 5), orang yang



bersetuju tanpa membantah pula diterjemahkan sebagai “mengganggu seperti burung belatuk” (Sarimah Alit, 2007; 136), manakala Douglas Jaga (1998) menggunakan unsur ‘kicauan burung’ bagi melambangkan “memanifestasikan rasa megah” (halaman 72) fauna itu terhadap kesanggupan watak Apai Lang bersusah payah meredah hutan rimba selama tiga hari perjalanan semata-mata untuk menemui dukun yang akan menyembuhkan penyakit anaknya.

Dalam novel *Mesap* (2002), rumbia atau sagu sangat penting dan mempunyai banyak fungsi dalam kehidupan masyarakat Melanau. Kegiatan mesap adalah aktiviti utama yang menjadi tonggak terhadap kehidupan mereka kerana fungsi rumbia yang banyak. Rumbia tidak sahaja menjadi makanan utama mereka (tebaloi, *tupe*, *linut*) yang diproses daripada sagu parut (lemanta), tetapi juga digunakan dalam perubatan tradisional. *Beloom* adalah satu bentuk replika tertentu seperti kapal yang diperbuat daripada rumbia yang akan dihias dan dijampi, kemudian dihanyutkan ke sungai dalam upacara pengubatan pesakit sebagai manifestasi membuang musibah dan penyakit. Pelbagai fungsi rumbia lain turut membantu kehidupan mereka seperti daun dijadikan atap, kraftangan dan alatan rumah yang lain menyebabkan terdapat sebilangan masyarakat Melanau begitu menghormati rumbia tersebut. Menafikan kepentingan rumbia dalam masyarakat ini diumpamakan seperti “menderhaka” (halaman 70).

Berbanding bahasa kiasan berbentuk metafora dan personafikasi, penggunaan simili dalam novel kajian didapati tidak begitu menyerlah. Namun begitu, penggunaan simili sebagai satu bentuk perbandingan dan kiasan mempunyai fungsi yang tersendiri bagi menampilkan estetika karya.

### 6.3 KESIMPULAN

Lambang dalam karya menjadi tanda yang memerlukan tafsiran berdasarkan petanda-petanda berkaitan. Unsur alam sering menjadi pilihan untuk dijadikan petanda terhadap perkara yang ingin disampaikan. Berdasarkan kajian penggunaan unsur alam sekitar sebagai lambang di dalam karya, didapati bahawa pengarang cenderung menggunakan alam abiotik dan alam biotik.

Lambang abiotik dari sudut alam sekitar semula jadi dikesan berdasarkan peredaran waktu seperti pagi, subuh, tengah hari, petang dan malam, serta peredaran musim seperti musim hujan dan musim menuai. Unsur jagat raya dan cakerawala seperti bulan, bintang, matahari dan awan pula digunakan untuk mengukuhkan lagi peredaran waktu berkenaan. Walaupun novel *Pindah* (1988) mengangkat masalah pembinaan empangan, namun badan air yang dilibatkan hanyalah sungai, bukannya empangan. Alam sekitar buatan manusia dalam faktor alam abiotik pula banyak memaparkan tentang binaan rumah panjang sama ada rumah panjang tradisi atau moden, binaan pondok dan rumah agam (grove) kepunyaan Brooke. Binaan rumah panjang boleh didapati dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988) dan *Anak Ruma' Kadang* (1998), manakala binaan grove diperincikan dalam novel *Pemberontakan* (1994).

Alam sekitar biotik dalam novel dianalisis berdasarkan flora dan fauna. Unsur flora ditemui berdasarkan penggunaan kawasan hutan semula jadi, manakala unsur flora bersumberkan tanaman ditemui pada tanaman padi, jagung dan kebun buah-buahan. Alam sekitar fauna dibahagikan kepada haiwan liar, haiwan belaan dan unggas. Dalam novel *Nganyau Air* (2001) mengangkat watak buaya sebagai watak utama. Unsur fauna ditemui dengan meluas dalam novel *Gugurnya Langit Hijau*

*Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988), *Suara Dari Rimba* (2008), *Kelingkang* (1998) dan *Anak Ruma' Kadang* (1998).

Kajian dari sudut bahasa kiasan pula mendapati bahawa pengarang cenderung menggunakan personifikasi dan metafora bagi mewujudkan nilai estetik, sementara penggunaan simili dalam semua teks kajian berada pada tahap paling minimum. Personifikasi menganalisis karya daripada tiga aspek kajian iaitu bagaimana pengarang telah memanusikan alam dengan dianugerahkan anggota tubuh badan, memanusikan sifat alam dan memanusikan perbuatan kepada alam. Dari sudut metafora, terdapat kecenderungan pengarang menggunakan analogi daripada cerita rakyat dan mimpi, serta metafora berkaitan flora dan fauna. Analisis bahasa kiasan dalam karya dari sudut simili pula melibatkan elemen alam semula jadi, flora, fauna dan persekitaran lain termasuk peredaran waktu.

Secara keseluruhan, Jong Chian Lai banyak menggunakan bahasa sebagai perlambangan dan kiasan dalam novel-novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988), dan *Suara Dari Rimba* (2008), diikuti Douglas Jaga (1998). Dari sudut metafora dan analogi, Douglas Jaga lebih kerap menggunakan unsur alam bagi menterjemahkan pemikirannya.